



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	METRO AHAD			
TARIKH	:	6/6/2021	MUKA SURAT	:	19
JABATAN	:	PERHILITAN			



PERHILITAN merampas pelbagai burung hasil operasi membanteras kegiatan haram menangkap dan menjual hidupan liar dilindungi.

### 'Ibu duit' penjenayah hidupan liar

**Putrajaya:** Burung tempatan kini menjadi 'ibu duit' kepada penjenayah hidupan liar yang bergiat aktif di laman jual beli dalam talian selain pelbagai aplikasi media sosial.

Itu antara kegiatan haram dikesan dilakukan golongan terbabit yang menjaja pelbagai spesies burung tempatan dilindungi hingga mencecah harga ribuan ringgit bergantung kepada kesukaran mendapatkannya serta ciri unik dimiliki.

Malah, langkah sekatan pergerakan penuh (SPP) yang menyukarkan orang ramai merentas negeri menyebabkan aktiviti ini kian aktif di platform berkenaan.

Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan), Datuk Abdul Kadir Abu Hashim berkata, pihaknya sentiasa memantau aktiviti jual beli haiwan liar dilindungi di dalam talian yang dikesan dilakukan individu warga tempatan serta warga asing.

Terbaharu pihaknya menahan seorang lelaki Indonesia di Taman Melati, Gombak, Selangor dalam serbuan jam 3.30 petang, Rabu lalu.

"Serbuan dilakukan susulan maklumat suspek aktif menjalankan kegiatan menjual burung dilindungi membabitkan spesies bu-

rung murai batu dan burung daun di media sosial.

"Hasil pemeriksaan dilakukan, pihak kami merampas 15 burung murai batu dan dua burung daun," katanya.

Beliau berkata, siasatan awal mendapati pemilik premis itu menyimpan hidupan liar berkenaan tanpa dokumen penyimpanan sah dikeluarkan Perhilitan.

Menurutnya, suspek jelas melakukan kesalahan itu dan diambil tindakan mengikut Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010.

Kadir berkata, tindakan sama turut diambil terhadap seorang lelaki tempatan yang menetap di Kampung

Majidee, Johor Bahru.

Menurutnya, dalam serbuan Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) jam 2.30 petang kelmarin, pihak Perhilitan dibantu renjer Jabatan Perhutanan dan polis menahan seorang lelaki berusia awal 20-an.

"Pemeriksaan di kediamannya menemui enam burung murai batu, burung dendang sayang (2), burung merbah lekir (2) dan burung daun sayap biru (2).

"Lelaki itu turut tidak mempunyai dokumen kebenaran khas menyimpan semua burung dilindungi itu. Kes kini disiasat Pejabat Perhilitan Kluang, Johor," katanya.